



KENYATAAN MEDIA

KBS DAN MEDAC LANCAR RM20 JUTA DI BAWAH SKIM PEMBIAYAAN INDUSTRI SUKAN

Putrajaya, 11 Mac 2021 - YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Belia dan Sukan dan YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar telah melancarkan Skim Pembiayaan Industri Sukan bertempat di Menara KBS, hari ini.

Program kerjasama strategik antara Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) di bawah Kolaboratif Rentas Kementerian KBS bertujuan mengupayakan pemain industri sukan dan rekreasi yang terjejas rentetan penularan pandemik COVID-19 terutamanya dalam kalangan pengusaha dan operator premis serta fasiliti sukan. Di samping itu, ianya dapat membantu meringankan impak dan beban pemain industri yang terkesan dengan memberikan sinergi baharu melalui pinjaman dana pembiayaan mudah.

Peruntukan sebanyak RM20 juta bagi Skim Pembiayaan Industri Sukan berkenaan telah diumumkan oleh Menteri Kewangan menerusi Belanjawan 2021 pada 6 November 2020 yang lalu.

“Skim Pembiayaan Industri Sukan ini akan dilaksanakan secara bersama oleh TEKUN Nasional (bagi usahawan yang mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM300,000.00) dan Bank Rakyat (bagi

usahawan yang mempunyai modal berbayar melebihi RM300,000.00). Penyaluran dana sebanyak RM10 juta kepada TEKUN Nasional dan RM10 juta kepada Bank Rakyat diharapkan dapat membantu pengusaha industri sukan di Malaysia khususnya yang terjejas berikutan penularan wabak COVID-19”, menurut YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC).

Menurut YB Dato’ Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Belia dan Sukan, inisiatif ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan Prihatin Rakyat di dalam mewujudkan sinergi dalam aspek pembiayaan mudah bagi pengusaha dan operator premis serta fasiliti sukan pasca COVID-19.

“KBS sentiasa mendengar rintihan dan keluhan daripada pemain industri sukan dan rekreasi termasuklah mengadakan sesi libat urus di mana saya difahamkan bahawa anggaran kerugian sebanyak RM100,000.00 setiap bulan direkodkan berikutan larangan beroperasi di bawah penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 baru-baru ini. Berdasarkan rekod CIMS 3.0 yang dibangunkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), terdapat 4,307 pengusaha / operator berdaftar di bawah notifikasi beroperasi COVID-19 sehingga 8 Mac 2020”, kata YB Dato’ Sri Reezal Merican.

“Justeru, Skim Pembiayaan Industri Sukan diharapkan dapat membantu para pemain industri yang terjejas untuk bangkit semula seterusnya memperkukuhkan semula perniagaan selaras dengan penerapan model norma baharu tertakluk kepada SOP Sektor Sukan dan Rekreasi di bawah pengurusan pandemik COVID-19,” tambah beliau.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar menegaskan bahawa MEDAC sentiasa komited di dalam membantu usahawan yang terjejas untuk bangkit semula bagi meneruskan kelangsungan perniagaan.

“Pelbagai produk pembiayaan mudah ditawarkan di bawah MEDAC bagi membantu para usahawan yang terjejas termasuklah dalam kalangan pemain industri sukan dan Rekreasi, ujar YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

“Sehubungan itu, MEDAC amat berbesar hati untuk mengadakan usaha kolaboratif bersama KBS menerusi pelancaran Skim Pembiayaan Industri Sukan menerusi TEKUN Nasional dan Bank Rakyat,” tambah beliau.

KBS juga akan menyediakan kaunter khas TEKUN dan Bank Rakyat di Menara KBS bagi sebarang pertanyaan serta menerima permohonan daripada para pemain industri.

Bagi sebarang maklumat lanjut, syarat dan cara permohonan Skim Pembiayaan Industri Sukan dapat diakses melalui pautan www.tekun.gov.my dan www.bankrakyat.com.my.

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
(MEDAC)**